

Newspaper	Berita Harian
Date	14 October 2015

Muhyiddin, Shafie didakwa berdolak-dalik isu SOSMA

BH - 14/10/2015

» Dua bekas anggota Kabinet sokong akta ketika dibentang

Kota Kinabalu

Pemimpin UMNO mendakwa Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menukar pendirian mereka mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA.

Ketua UMNO Bahagian Penampang, Datuk John Ambrose, dipetik sebuah portal berita sebagai berkata Muhyiddin dan Shafie mungkin terlupa kedua-dua mereka mengundi untuk menyokong SOSMA yang digubal di Parlimen.

"Mereka, pada masa itu, tidak menentang undang-undang berkenaan atau bersuara untuk menentangnya," lapor portal itu.

Ambrose dilapor berkata demikian selepas Muhyiddin, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Ahli Parlimen Pagoh serta Shafie, bekas Menteri Kemaajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Ahli Parlimen Semporna, menghadiri sidang akhbar anjuran bekas Perdana Menteri,

Tun Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Sidang media itu untuk membantah penggunaan SOSMA terhadap dua individu yang didakwa atas tuduhan cuba mensabotaj perkhidmatan perbankan dan kewangan Malaysia.

Ambrose juga dilaporkan mengkritik Shafie kerana mempertikaikan syarikat' pelaburan kerajaan, Malaysia Development Bhd (IMDB) dan menyatakan bahawa banyak perkara yang penting kepada rakyat masih lagi belum ditangani.

Telah diperjelaskan

Beliau berkata, Muhyiddin dan Shafie adalah anggota Kabinet Kerajaan Persekutuan sehingga Julai tahun ini dan isu IMDB dibincangkan pada mesyuarat Kabinet.

"Jadi mereka tidak boleh kata tidak tahu. Malah, Muhyiddin mempengerusikan satu daripada mesyuarat Kabinet apabila isu IMDB dibincangkan dan semua isu telah diperjelaskan," katanya.

Ambrose berkata, IMDB yang melantik presiden baharu tahun ini, membentangkan program rasionalisasi dan pengurangan hutangnya kepada Kabinet pada Jun lalu, yang diluluskan Kabinet.

Tempoh enam bulan

Beliau berkata, adalah jelas IMDB memerlukan sekurang-



'Dr Mahathir patut hormat proses undang-undang'

Kehadiran pemimpin UMNO

Keratan akhbar BH, semalam.

“ Pada masa itu, mereka tidak menentang undang-undang berkenaan atau bersuara untuk menentangnya”

John Ambrose, Ketua UMNO Bahagian Penampang

kurangnya enam bulan sehingga hujung tahun ini untuk menyelesaikan rasionalisasi dan pengurangan hutangnya dan Muhyiddin serta Shafie tidak menentang rancangan ini atau tidak bersetuju mengingainya.

"Sekarang Shafie dan Muhyiddin bercakap seolah-olah mereka tidak dimaklumkan mengenai fakta berkaitan IMDB dan tidak menjadi anggota Kabinet yang meluluskan program rasionalisasi dan pengurangan hutang," behau dipetik sebagai berkata.

BERNAMA